



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	MINGGUAN MALAYSIA			
TARIKH	:	23/9/2018	MUKA SURAT	:	64
JABATAN	:	IWK			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



FAIZAL OTHMAN (dua dari kanan) meninjau kerja-kerja pembersihan saluran sempena program Rakan Sungai IWK di Sungai Air Hitam, Klang, Selangor, semalam. -MINGGUAN/MOHD. SHAHARANI SAIBI

Risiko limpahan air najis

KUALA LUMPUR 22 Sept. - Penduduk di kawasan perumahan di seluruh negara akan berdepan dengan risiko limpahan air najis dan pencemaran bau sekiranya pengosongan tangki septik tidak dilakukan mengikut jadual ditetapkan.

Ketua Pegawai Eksekutif Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK), Faizal Othman berkata, berdasarkan data yang diperoleh pihaknya pada tahun ini, hanya 10 peratus daripada 1.3 juta tangki septik melakukan pengosongan meliputi kawasan bandar dan luar bandar.

“Sekiranya tangki septik tidak dikosongkan secara berjadual, sisa terampai akan memenuhi ruang tangki tersebut dan aliran air sisa kumbahan dari rumah akan berlaku tanpa sebarang rawatan seterusnya mencemarkan longkang.

“Pencemaran air sisa kumbahan ini turut menyebabkan sistem perairan seperti sungai tercemar dan mengakibatkan

berlakunya wabak penyakit berjangkit bawaan air seperti taun serta hepatitis,” katanya ketika ditemui *Mingguan Malaysia* dalam program Rakan Sungai IWK di Sungai Air Hitam, Klang dekat sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Faizal memberitahu, pihaknya melaksanakan inisiatif dengan mendekati pemilik tangki septik untuk melakukan pengosongan tangki, namun ramai yang menolak usaha mereka.

Menurutnya, mengambil kira tanggungjawab sebagai syarikat pembentungan terbaik negara, IWK terus melakukan pelbagai program kesedaran mengenai kepentingan menjaga alam sekitar khusus buat orang ramai dari semasa ke semasa.

“Hari ini kita melancarkan program Rakan Sungai IWK bersama penduduk setempat di 21 lokasi di seluruh negara dengan tujuan memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan menjaga alam sekitar,” katanya.